

Halangan Komunikasi Padu dalam Kegiatan Motivasi dari Sudut Pandangan Hipotesis Sapir-Whorf

Ahmad Hakimi bin Khairuddin*
Universiti Malaya

*Emel perhubungan: ahmadhakimi@um.edu.my

Abstrak

Motivasi adalah satu aktiviti yang penting dalam kehidupan seharian pada hari ini. Kegiatan ini diperlukan untuk membolehkan ahli-ahli sesuatu organisasi, sama ada swasta ataupun awam, berfungsi dengan sepenuhnya dalam organisasi tersebut dan seterusnya memastikan bahawa segala urusan organisasi berjalan dengan lancar. Kegiatan motivasi melibatkan komunikasi. Salah satu andaian utama dalam kegiatan motivasi yang dilakukan oleh pihak pengurusan sesuatu organisasi adalah bahawa motivasi adalah sesuatu yang baik dan boleh dilakukan kepada semua individu. Individu yang tidak boleh menerima anjakan paradigma melalui kegiatan motivasi dianggap sebagai bermasalah dan tidak sesuai dalam budaya organisasi berkenaan. Penulisan ini akan cuba untuk mengenangkan satu pemikiran yang bercanggah dengan andaian di atas. Pemikiran ini berteraskan aliran pemikiran antropologi kebudayaan Amerika Syarikat, dan lebih menjurus kepada sub-bidang antropologi linguistik. Hipotesis Sapir-Whorf diketengahkan sebagai penjelasan mengapa kegiatan motivasi tidak mampu berjaya sepenuhnya. Pemahaman tentang hipotesis ini boleh membawa peningkatan hasil kerja kepada individu yang perlakunya sukar diubah melalui kegiatan motivasi.

Kata kunci: Halangan, Komunikasi Padu, Motivasi, Antropologi Kebudayaan, Sapir-Whorf

The Barriers to Effective Communication in Motivational Activities from the Perspective of the Sapir-Whorf Hypothesis

Abstrak

Motivational activities are important in life today. This activity is required in order to enable the members of an organization, private or public, to function fully in their organization and thus, ensure that all aspects of the organization run smoothly. Motivational activities involve communication. One main assumption in motivational activities run by the management of an organization is that motivation is a good thing, and it can be directed to all individuals. Individuals who are unable to change and undergo a paradigm shift through these motivational activities are considered problematic and not suitable for the organizational culture in question. This article will try to present a different way of thinking that is contrary to the above assumption. This way of thinking is based on the American school of cultural anthropology, and specifically, in the sub-field of anthropological linguistics. The Sapir-Whorf hypothesis is put forth as an explanation as to why motivational activities do not achieve a perfect success rate. An understanding of this hypothesis can bring about an increase in the work-output of individuals who are difficult to change by means of motivational activities.

Kata kunci: Halangan, Komunikasi Padu, Motivasi, Antropologi Kebudayaan, Sapir-Whorf

Pengenalan

Berkomunikasi di antara satu manusia dengan satu manusia yang lain adalah satu perlakuan manusia yang amat biasa sehingga ianya dianggap sebagai satu proses yang mudah. Perkataan asal yang digunakan oleh orang Melayu adalah hubung. Salah satu makna berhubung adalah, ‘berangkaian, bersambung, beruntun (antara satu sama lain)’ (Kamus Dewan 1970:371). Untun adalah bahasa Melayu klasik yang memberi maksud urutan (Kamus Besar Bahasa Indonesia Pusat Bahasa 2008:1532). Dalam erti kata lain, berkomunikasi boleh dikatakan melibatkan hubungan di antara dua orang. Pada hari ini, istilah komunikasi mempunyai makna yang lebih teknikal iaitu: “*giving, receiving or exchanging information, opinions or ideas so that what is communicated is completely understood*” (Taylor 2000:1).

Takrif ini menjelaskan tentang proses komunikasi tersebut sebagai memberi, menerima atau bertukaran maklumat, pendapat atau idea supaya apa yang diberitahu akan difahami sepenuhnya. Takrif ini disesuaikan pada era teknologi maklumat kerana komunikasi boleh berlaku melalui pelbagai media, dan bukan hanya melalui percakapan. Hal ini dapat dilihat melalui senarai kaedah-kaedah komunikasi yang disenaraikan oleh Taylor (2000:2) sebagai “*written word, symbolic gesture, spoken word, visual images, and multi-media*”. Walau bagaimanapun, konsep asas komunikasi adalah hubungan di antara dua individu, sekurang-kurangnya.

Seterusnya, Taylor (2000:9) mencadangkan bahawa terdapat tujuh (7) halangan kepada komunikasi yang padu iaitu “*non-verbal signals, language, listening, pre-judgement, relationships, emotions and systems*”. Penulisan ini akan menjurus kepada masalah bahasa sebagai penghalang kepada komunikasi yang padu, terutamanya dalam kegiatan motivasi. Masalah bahasa yang dimaksudkan untuk tujuan penulisan ini akan dikaitkan dengan hipotesis Sapir-Whorf, satu hipotesis tentang pengaruh bahasa (dan kebudayaan) terhadap pemahaman seseorang tentang nilai-nilai. Hipotesis ini berasal daripada bidang antropologi linguistik (Boas 1938a; Blount 1974; Cohen dan Eames 1982; Fromkin dan Rodman 1988; Schultz dan Lavenda 1990).

Dalam penulisan ini, konsep dan kaedah motivasi akan dijelaskan secara ringkas. Bidang antropologi linguistik akan juga dipaparkan dalam kerangka pemikiran antropologi kebudayaan aliran Amerika Syarikat. Penjelasan tentang antropologi kebudayaan akan menonjolkan satu bentuk pemikiran dalam kumpulan bidang-bidang kemanusiaan yang wujud sebelum kedatangan pemikiran sains (Ahmad Hakimi dan Zamree, 2008; Ahmad Hakimi dan Zahir, 2017). Bentuk pemikiran ini juga boleh dikaitkan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh ahli-ahli sains sosial dan juga ahli linguistik (yang cuba mengikuti pemikiran sains) dalam memahami serta menggunakan hipotesis Sapir-Whorf seperti yang seharusnya, dan bukannya mengikuti cara pemikiran sains.

Kegiatan Motivasi Sebagai Satu Aktiviti Komunikasi yang Padu

Salah satu takrif yang umum untuk motivasi adalah seperti berikut: “*a motivating force, influence, or incentive that directs one's action towards achieving a desired goal*” (The New Penguin English Dictionary 2000:904). Takrif ini mencadangkan bahawa tujuan motivasi adalah untuk menghasilkan sesuatu matlamat. Proses motivasi yang dilakukan oleh sesuatu organisasi adalah satu aktiviti yang menggunakan bentuk komunikasi yang padu. Pada asasnya kegiatan motivasi tersebut adalah satu proses yang “*initiates, guides, and maintains goal-oriented behaviors*” (Papertyari 2019). Dalam kegiatan motivasi yang dilakukan di organisasi-organisasi awam dan juga swasta, ianya bertujuan untuk menyusun semula orientasi atau hala tuju pekerja yang dipilih supaya mereka mempunyai semangat bekerja atau mempamerkan perlakuan yang sehaluan dengan hala tuju organisasi berkenaan. Perlakuan manusia adalah satu perkara yang amat kompleks oleh kerana ianya dipengaruhi oleh pelbagai aspek termasuk aspek fizikal/biologi, emosi, masyarakat, agama, kognitif, dan juga kebudayaan. Memahami perlakuan secara kebiasaannya dikaji oleh bidang psikologi. Mengubah perlakuan juga sering dikaji oleh pengkaji psikologi.

Proses motivasi yang menghasilkan perlakuan yang sesuai dengan hala tuju sesuatu organisasi pada asasnya mengubah nilai-nilai dalaman seseorang yang sedia ada. Proses perubahan nilai-nilai dalaman ini melalui motivasi adalah sesuatu yang tidak begitu jelas cara pemikirannya daripada segi ilmiah. Ini adalah kerana perubahan nilai-nilai dalaman tersebut seringkali tidak mengambil kira sepenuhnya nilai-nilai dalaman yang sedia ada dalam seseorang itu. Konflik di antara nilai-nilai dalaman yang sedia ada dengan nilai-nilai dalaman yang cuba diterapkan juga kurang dikaji.

Nilai-nilai dalaman yang sedia ada dalam manusia sebenarnya adalah hasil gabungan nilai-nilai kebudayaan individu digabungkan dengan pengalaman kendiri. Nilai-nilai kebudayaan adalah nilai-nilai warisan yang dipelajari daripada ahli-ahli kebudayaan kita. Ianya menjadi identiti atau jati diri individu dalam kebudayaannya. Nilai-nilai yang dihasilkan oleh pengalaman kendiri pula adalah nilai-nilai individu yang berasingan. Selalunya nilai-nilai tersebut diselaraskan oleh individu supaya ianya selari dengan nilai-nilai kebudayaannya. Akan tetapi, terdapat keadaan di mana nilai-nilai kendiri bercanggah dengan nilai-nilai kebudayaan. Ianya menghasilkan seorang individu yang berbelah bahagi dalam perlakuan sehariannya. Penulisan ini mencadangkan bahawa percanggahan nilai-nilai yang dihadapi oleh seseorang boleh difahami dengan lebih jelas apabila kita mengambil kira hipotesis Sapir-Whorf.

Perbincangan seterusnya dalam penulisan ini adalah tentang antropologi kebudayaan aliran Amerika Syarikat serta subbidangnya, antropologi linguistik untuk menjelaskan sudut pandangan hipotesis Sapir-Whorf dan bagaimana ianya mampu untuk menjelaskan masalah-masalah kegiatan motivasi dalam sesetengah individu.

Antropologi Kebudayaan Aliran Amerika Syarikat

Antropologi pada asasnya adalah satu bidang yang mengkaji tentang kepelbagaiannya manusia (Ahmad Hakimi dan Zamree 2008). Pada hari ini terdapat dua aliran pemikiran yang besar dalam bidang antropologi, iaitu antropologi sosial (aliran British) dan antropologi kebudayaan (aliran

Amerika Syarikat). Antropologi sosial lebih banyak digunakan di Malaysia oleh kerana ianya adalah sambungan tradisi ilmu British pada waktu penubuhan universiti-universiti awam di Malaysia (Ahmad Hakimi dan Mohd. Erman 2006). Teras pemikiran antropologi sosial adalah kajian perbandingan terhadap masyarakat bukan Barat secara sains dengan menggunakan teori-teori masyarakat Barat. Ianya boleh dikatakan sebagai subbidang kepada bidang sosiologi, iaitu sosiologi bandingan (Firth 1958; Mair 1967). Perlu dinyatakan di sini bahawa teori-teori antropologi sosial tidak dianggap sebagai teori-teori umum sosiologi sungguhpun teori-teori sosiologi dianggap sebagai teori-teori antropologi sosial.

Antropologi kebudayaan aliran Amerika Syarikat pula adalah satu bidang yang mengkaji kepelbagaiannya manusia dengan menumpukan perhatian kepada kebudayaan (Boas 1938; Ahmad Hakimi dan Zahir 2012; Ahmad Hakimi dan Zamree 2008; Ahmad Hakimi 2007; Ahmad Hakimi dan Mohd. Erman 2006). Manusia dianggap sama dari segi fizikalnya. Dalam cara pemikiran antropologi kebudayaan, ianya boleh ditakrifkan sebagai satu sistem ilmu pengetahuan, atau sistem pengoperasian manusia yang membolehkan manusia untuk berinteraksi dengan i) manusia lain, ii) alam persekitaran fizikal, atau sistem ekologi tempatan, dan iii) alam ghaib (serta makhluk ghaib) (Holmes dan Parris 1981; Ahmad Hakimi dan Zahir 2012; Ahmad Hakimi 2007). Takrif sedemikian tentang kebudayaan adalah agak berlainan daripada cara pemikiran sains oleh kerana di sebalik takrif tersebut, terdapat satu andaian besar iaitu kebudayaan perlu dilihat secara menyeluruh atau holistik sebagai satu. Pandangan sedemikian adalah seperti yang dinyatakan oleh falsafah Gestalt dalam bidang psikologi.

Cara pemikiran tentang kebudayaan sebagai satu keseluruhan membawa makna bahawa setiap satu kebudayaan adalah satu entiti yang unik dan tersendiri. Ianya merangkumi pelbagai perkara, termasuk sistem nilai-nilai. Pemikiran ini dikenali sebagai relativisme kebudayaan (atau cultural relativism). Kita tidak boleh menggunakan nilai-nilai daripada satu kebudayaan untuk mengukur individu daripada kebudayaan lain. Ini adalah kerana sukanan sesuatu nilai tersebut hanya mempunyai makna yang tepat dalam kebudayaan tersebut, dan tidak semestinya sama dalam kebudayaan lain.

Nilai-nilai seperti baik, jahat, rajin, malas, cantik, wangi, dan busuk adalah nilai-nilai yang diajar kepada kita melalui proses enkulturasikan (*enculturation*) atau sosialisasi. Kita menggunakan nilai-nilai ini secara spontan dan tanpa disedari pada tahap pemikiran bawah sadar (*subconscious*). Nilai-nilai yang kita gunakan sehari-hari sebenarnya berbeza-beza mengikut kebudayaan. Setiap individu mempunyai takrif kepada nilai-nilai sehari-hari yang berlainan, mengikut indoktrin kebudayaannya sendiri. Hal ini menjadi sebab konsep biasa seperti malas mempunyai makna yang berbeza-beza dan sukar dipersetujui (lihat Syed Hussein Alatas, 1977). Sebagai contoh, kumpulan petani mempunyai pemahaman yang berbeza daripada kumpulan pedagang. Penggunaan nilai sesuatu kebudayaan untuk menilai kebudayaan lain dianggap sebagai satu kesalahan dalam bidang antropologi kebudayaan, yang diberi nama etnosentrik (*ethnocentric*).

Dalam kerangka pemikiran antropologi kebudayaan, kajian tentang kebudayaan manusia bukannya untuk mengukur perbezaan di antara kebudayaan; sebaliknya kajian itu lebih bertujuan untuk memahami keseluruhan sistem ilmu pengetahuan dalam kebudayaan yang dikaji. Oleh kerana kajian antropologi kebudayaan lebih menjurus kepada pemahaman sesuatu kebudayaan mengikut cara pemikiran kebudayaan tersebut, cara melihat kebudayaan tersebut dikenali sebagai sudut pandangan emik, dan kaedah penyelidikan yang digunakan adalah kaedah penelitian turut-serta (atau *participant-observation*) (Ahmad Hakimi, 2007).

Sebenarnya, kaedah penyelidikan turut-serta yang digunakan oleh para pengkaji antropologi kebudayaan bukanlah kaedah penyelidikan sains yang berteraskan kepada ukuran tepat yang bersifat mutlak atau absolut (Ahmad Hakimi, 2007; Ahmad Hakimi dan Zamree 2008). Ianya juga bukan ukuran yang bersifat kualitatif. Kaedah penyelidikan ini menunjukkan bahawa ianya bukan dalam kumpulan bidang-bidang pengajian sains sosial yang terikat dengan falsafah penyelidikan sains. Sebaliknya, kaedah penyelidikan ini lebih menjurus kepada kaedah penyelidikan kumpulan bidang-bidang kemanusiaan atau *humanities*. Tiada ukuran dibuat; sebaliknya

pemahaman keseluruhan tentang apa yang dikaji berdasarkan kepada semua maklumat yang dikumpul. Secara andaianya, melihat hutan dan pokok-pokok yang terdapat di dalamnya sebagai satu pola atau *pattern*.

Kumpulan bidang-bidang pengajian kemanusiaan pula seringkali disalah-fahamkan. Kononnya, kumpulan bidang-bidang pengajian ini berdasarkan kepada bidang falsafah. Pada asalnya, cara pemikiran dalam kumpulan bidang-bidang pengajian kemanusiaan boleh dikaitkan dengan satu bentuk pemikiran ilmiah yang usianya jauh lebih awal daripada pemikiran sains, iaitu pemikiran dalam bidang filologi (Ahmad Hakimi dan Zahir, 2017). Pemikiran falsafah pula berasingan daripada bidang filologi. Ianya boleh dikaitkan dengan cara pemikiran agama atau kepercayaan orang Yunani pada zaman lampau.

Antropologi kebudayaan muncul di Amerika Syarikat apabila para sarjana di sana cuba mengkaji kelompok Red Indian (Boas 1938a, 1974; Blount 1974; Burling 1970; Robbins 1998). Boas membahagikan kajian terhadap manusia kepada empat subbidang, iaitu antropologi kebudayaan, antropologi linguistik, antropologi fizikal atau biologi dan antropologi arkeologi (Cohen dan Eames 1982; Schultz dan Lavenda 1990). Pembahagian ini khusus untuk menangani masalah orang Red Indian yang tidak mempunyai tulisan serta mempunyai bahasa yang amat berbeza daripada bahasa Indo-Eropah (Blount 1974; Fromkin dan Rodman 1988).

Secara umumnya, semua kumpulan manusia perlu dikaji dari sudut pandangan keempat-empat subbidang antropologi kebudayaan untuk memahami kumpulan manusia yang dikaji. Penulis mendapati bahawa aliran pemikiran antropologi kebudayaan yang terdapat di Amerika Syarikat tidak sama dengan antropologi budaya yang terdapat di Malaysia (Ahmad Hakimi dan Mohd. Erman, 2006). Kebanyakan aliran antropologi di Malaysia dipengaruhi oleh aliran pemikiran antropologi sosial (Shamsul Amri, 2001). Antropologi budaya pula tidak mengikuti falsafah asas antropologi kebudayaan dan tidak menggabungkan kajian-kajian antropologi linguistik, antropologi biologi serta antropologi arkeologi apabila mengkaji sesuatu kumpulan manusia (Mohd. Taib, 1983; Ahmad

Hakimi dan Mohd. Erman, 2006). Sebaliknya, apa yang dikatakan sebagai antropologi budaya tertumpu kepada kajian budaya yang lebih bersifat bukan sains sosial dan dikaitkan dengan kemanusiaan (Shakila, 2010). Pada asasnya, antropologi budaya ini boleh dikaitkan dengan pemikiran bidang filologi yang menjadi asas kepada bidang pengajian Melayu (Mohd. Taib 1983; Ahmad Hakimi dan Zahir, 2017).

Antropologi Lingusitik dan Hipotesis Sapir-Whorf

Antropologi linguistik pada asalnya bertujuan untuk mengkaji bahasa-bahasa Red Indian (Boas 1938b; Cohen dan Eames 1982). Bidang ini adalah satu subbidang antropologi kebudayaan aliran Amerika Syarikat. Ianya menerajui satu aliran dalam bidang linguistik, yang dikenali dengan nama *descriptive linguistics* (Blount 1974; Cohen dan Eames 1982; Fromkin dan Rodman 1988; Robbins 1998; Abdullah 1984; Arbak 1983; Asmah 2011; Atchinson 1983; Nik Safiah 1989; P.W.J. Nababan 1984).

Dua orang sarjana, Edward Sapir dan Benjamin Lee Whorf, telah mengutara satu hipotesis tentang bahasa dan kaitannya dengan kebudayaan (Kay dan Kempton 1984; Cohen dan Eames 1982; Fromkin dan Rodman 1988; Robbins 1998). Hipotesis ini dikenali dengan nama Hipotesis Sapir-Whorf. Secara umumnya, hipotesis ini menyatakan bahawa bahasa berkaitan rapat dengan kebudayaan dan mempengaruhi cara bagaimana manusia melihat dunia di sekeliling mereka.

Masalah utama dengan Hipotesis Sapir-Whorf adalah ianya dibuat bukan dalam konteks pemikiran sains dan ianya tidak seharusnya dikaji secara sains. Akan tetapi kebanyakannya ahli linguistik pada waktu itu (dan selepasnya) lebih dipengaruhi oleh cara-cara penyelidikan sains (sebagai contoh, sila lihat Chafe 1968 dan juga Kay dan Kempton 1984). Penggunaan kaedah penyelidikan sains terhadap Hipotesis Sapir-Whorf ini adalah satu usaha pada waktu itu untuk mencari teori-teori umum tentang manusia.

Antropologi kebudayaan pada asasnya menolak kaedah penyelidikan sains oleh kerana ianya kerap kali melibatkan pengukuran perkara-perkara yang bersifat ethnosentrik. Hal ini demikian kerana skala yang digunakan untuk mengukur perkara-perkara yang berkaitan dengan kebudayaan (dan juga bahasa, dalam kes ini) tidak bersifat mutlak; sebaliknya skala pengukuran tersebut berbeza-beza mengikut kebudayaan. Boas pada asalnya adalah seorang ahli fizik. Beliau memahami tentang masalah ukuran yang tidak boleh dilakukan secara sains. Perkara ini dibincangkan dengan lebih lanjut oleh Einstein dalam *Generalized Theory of Relativity* dan *Special Theory on Relativity* beliau. Konsep relativisme kebudayaan yang diterapkan oleh Boas membawa maksud bahawa tidak terdapat mana-mana nilai manusia yang bersifat sejagat. Semua sistem-sistem nilai manusia, iaitu kebudayaan-kebudayaan manusia, mempunyai skala nilai yang berbeza-beza mengikut sejarah kebudayaan serta pengalaman setiap kumpulan manusia yang berkenaan.

Pada waktu yang sama, apabila Boas melihat kebudayaan sebagai satu keseluruhan yang terdiri daripada komponen-komponen kecil yang saling berkaitan antara satu sama lain dan tidak boleh dilihat secara berasingan, ini bermakna bahawa kebudayaan tidak boleh diukur mengikut mana-mana skala yang terdapat pada hari ini. Hal ini sehaluan dengan cara pemikiran filologi terdahulu daripadanya. Penyelidikan sains sering mengkaji komponen-komponen kecil. Apa yang diperhatikan oleh Boas dan ahli-ahli antropologi kebudayaan adalah pola-pola yang menghubungkan ahli-ahli dalam sesuatu kebudayaan. Akan tetapi, Boas tidak pernah menganggap bahawa ianya satu teori, oleh kerana ianya tidak dapat dibuktikan secara sains. Perkara ini menghantui sesetengah sarjana Barat yang taksuh dengan pemikiran sains tentang menemui satu teori umum.

Apabila kita melihat pula hipotesis Sapir-Whorf, ianya belum dibuktikan melalui kajian sains sungguhpun ianya telah wujud begitu lama sekali. Pada mulanya, pakar-pakar linguistik yang tidak memahami antropologi kebudayaan teramat tertarik dengan hipotesis ini sehingga mereka berpendapat bahawa bahasa mempengaruhi keseluruhan pemikiran manusia. Hal ini dikenali sebagai determinisme bahasa. Bentuk pemikiran

tersebut sering ditemui dalam kumpulan bidang-bidang pengajian sains sosial yang begitu ghairah dalam mencari teori umum.

Apabila kita memahami falsafah asas tentang kebudayaan di sebalik sudut pandangan antropologi kebudayaan, kita dapat bahawa hipotesis Sapir-Whorf hanyalah satu panduan; bukannya satu hukum. Terdapat begitu banyak sekali perkara yang mempengaruhi perlakuan manusia sehingga ianya tidak mampu dikenal pasti sebab-sebab perlakuan tersebut. Sebagai contoh, apakah sebab seseorang itu memilih baju yang dia pakai pada sesuatu hari yang berkenaan. Kebarangkalian sebab dia memilih pakaian tersebut begitu banyak sekali sehingga tidak mampu untuk diukur dan dikenal pasti oleh bidang sains dan matematik untuk semua orang di dunia.

Apabila kita mengambil kira hipotesis Sapir-Whorf dengan falsafah di sebalik konsep kebudayaan dalam antropologi kebudayaan, kita akan dapat bahawa bahasa adalah satu komponen dalam kebudayaan yang tidak mempunyai makna jika diasangkan daripada kebudayaan. Pertalian di antara kebudayaan dan bahasa, dan pada waktu yang sama, semua komponen-komponen lain yang terdapat (kononnya) dalam kebudayaan akan memberi makna yang sebenarnya.

Hipotesis Sapir-Whorf dan Masalah Kegiatan Motivasi

Antara perkara yang penting tentang kebudayaan adalah kesinambungan yang terdapat antara komponen yang terdapat dalam sesuatu kebudayaan. Kebudayaan adalah warisan sesuatu kumpulan manusia. Ianya merangkumi sejarah dan pengalaman kumpulan manusia tersebut. Kebudayaan sentiasa berubah; akan tetapi, setiap perubahan disesuaikan dengan ilmu-ilmu terdahulu untuk mengekalkan kesinambungan. Kebudayaan juga dipelajari, dan diturunkan kepada generasi seterusnya. Kebudayaan bukanlah naluri. Ianya adalah kumpulan ilmu pengetahuan sesuatu kumpulan manusia. Ianya memberi identiti kepada kumpulan tersebut, serta identiti individu dalam kumpulan tersebut.

Perubahan kebudayaan mengambil masa yang lama oleh kerana setiap perubahan perlu mencapai kesinambungan dengan ilmu-ilmu terdahulu. Oleh itu, ianya menjadi penyebab kita bahawa banyak daripada amalan kebudayaan kita adalah amalan-amalan yang kita lakukan daripada dahulu kala, sekiranya kita kaji dengan lebih mendalam. Pada waktu yang sama, kita kurang jelas apa yang makna sebenarnya dengan apa yang kita amalkan, tetapi kita selesa dengan apa yang kita lakukan. Malahan, kita merasa kurang senang apabila kita terpaksa melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan nilai-nilai kebudayaan kita. Hal ini demikian kerana kebudayaan adalah satu sistem ilmu pengetahuan; ianya berfungsi pada tahap bawah sedar atau *sub-conscious*.

Perubahan-perubahan nilai yang cuba diterapkan dalam kegiatan motivasi selalunya melibatkan nilai-nilai tertentu yang khusus dengan matlamat sesuatu organisasi. Ianya hasil daripada pengalaman manusia tentang bentuk perlakuan yang perlu untuk menghasilkan sesuatu matlamat. Akan tetapi, sistem ilmu yang terdapat dalam sesuatu organisasi swasta ataupun awam selalunya dipengaruhi oleh nilai-nilai asing. Nilai-nilai ini kerap kali bercanggah dengan sistem nilai yang terdapat dalam kebudayaan tempatan.

Sistem nilai yang terdapat dalam kebudayaan bertujuan untuk memenuhi keperluan manusia daripada sebelum dianya dilahirkan sehingga selepas dia meninggal dunia. Ianya merangkumi keseluruhan kehidupan manusia. Sistem nilai yang terdapat dalam organisasi selalunya hanya terlibat dalam bahagian yang penting untuk urusan organisasi berkenaan. Ianya tidak merangkumi keseluruhan kehidupan manusia. Hal ini menunjukkan perbezaan ketara antara sistem nilai kebudayaan dan sistem nilai organisasi-organisasi swasta dan juga awam. Pada waktu yang sama, matlamat kebudayaan berbeza dengan matlamat organisasi. Matlamat kebudayaan adalah untuk melahirkan kehidupan yang aman untuk ahli-ahlinya. Matlamat organisasi lebih tertumpu kepada pencapaian khusus yang pentingkan organisasi. Nilai individu disesuaikan untuk kepentingan organisasi, dan bukannya kepentingan individu. Individu hanya mendapat pulangan sekiranya kepentingan organisasi didahulukan.

Rumusan dan Kesimpulan

Hipotesis Sapir-Whorf menyatakan bahwa gambaran dunia dipengaruhi oleh bahasa, yang berkaitan rapat dengan kebudayaan. Kebudayaan-kebudayaan manusia telah wujud berpuluhan ribu tahun, dan mengalami proses perubahan sedikit demi sedikit. Ianya menghasilkan satu bentuk kehidupan yang memastikan ahli-ahlinya mendapat kehidupan yang aman. Semua ahli-ahli tahu bagaimana untuk berinteraksi dengan manusia lain, alam sekitar dan alam ghaib mengikut pemikiran kebudayaan mereka. Ianya satu tradisi ilmu yang mantap dan berkesinambungan untuk kehidupan manusia.

Kegiatan motivasi yang dilakukan pada hari ini lebih bertujuan untuk mengubah hala tuju individu supaya ianya selaras dengan kegiatan serta matlamat organisasi. Nilai-nilai yang terdapat dalam sesuatu organisasi berkenaan lebih menjurus kepada kepentingan organisasi dan bukannya individu. Ganjaran diberikan kepada individu-individu yang mampu mengikuti nilai-nilai organisasi. Nilai-nilai tersebut tidak semestinya sesuai dengan identiti individu. Kerap kali masalah berlaku dalam kegiatan motivasi sungguhpun kaedah komunikasinya mantap. Perkara yang lebih penting daripada kaedah komunikasi adalah kesinambungan nilai-nilai yang cuba diterapkan dengan nilai-nilai dalaman individu yang datangnya daripada kebudayaannya.

Sistem nilai-nilai dalam sesuatu kebudayaan adalah satu sistem nilai yang mantap serta berkesinambungan tinggi. Ini adalah hasil penyesuaian berpuluhan ribu tahun lamanya. Pada waktu yang sama, ianya merangkumi keseluruhan kehidupan manusia serta memaparkan satu bentuk kehidupan yang aman.

Hipotesis Sapir-Whorf dengan falsafah kebudayaan perlu difahami untuk menghasilkan satu sistem nilai organisasi yang lebih berkesinambungan dan lebih senang diterima oleh individu-individu. Pada waktu yang sama, mungkin organisasi-organisasi perlu memikirkan tentang kepentingan keseluruhan kehidupan ahli-ahli mereka dalam membentuk satu sistem nilai yang lebih prihatin.

Penghargaan

Penulisan ini merupakan sebahagian daripada projek Strategi Komunikasi Ceramah Motivasi: Bahasa, Budaya, dan Aspek Visual yang dibiayai melalui Geran Penyelidikan Fakulti (GPF) APM, GPF102A-2020.

Rujukan

- Abdullah Hassan. (1984). *Linguistik am untuk guru Bahasa Malaysia*. Siri Teks Kolej Fajar Bakti. Cetakan Kelima. Petaling Jaya, Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Ahmad Hakimi Khairuddin. (2007). Falsafah di sebalik kaedah penelitian turut serta: Satu kaedah penyelidikan antropologi kebudayaan. Dalam Zahir Ahmad, Mohd Taufik Arridzo & Madiawati Mustaffa (peny.), *Wacana Persuratan Melayu: Buku sempena persaraan Profesor Dato' Dr. Hashim Awang*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ahmad Hakimi Khairuddin & Mohd. Erman. (2006). Bidang Sosio-Budaya dalam Pengajian Melayu. Dlm Ajid Che Kob dan Nuwairi Hj. Khaza'ai (penyelaras), *Sebahtera 2006 PPBKKM – APM*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ahmad Hakimi Khairuddin & Zahir Ahmad. (2017). Resensi Buku: *Philology - "The forgotten origins of the modern humanities"* oleh James Turner. *Jurnal Filologi Melayu*. 24, 120-123.
- _____. (2012). Malay traditional food technology. Dlm Chaiwat Meesantan (peny.). 1st International Conference on Southeast Asian Language and Culture 2012. Bangkok: Faculty of Liberal Arts, Thammasat University.
- Ahmad Hakimi Khairuddin & Zamree Abu Hassan. (2008). Penyelidikan Sosio-Budaya: Antara Sains Sosial dan Kemanusiaan. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu (Sebahtera 3): Penyelidikan dalam Pengajian Melayu - "Teori dan Praktis", anjuran Pusat Pengajian Bahasa,

Kebudayaan, dan Kesusasteraan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 23 Disember 2008.

Arbak Othman. (1983). *Permulaan ilmu linguistik: Satu pengenalan konsep dan bidang kajian secara teoritis*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.

Asmah Hj. Omar. (2011). *Teori dan kaedah nahu: Sejarah pertumbuhan aliran pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Atchinson, Jean. (1983). *Linguistics. Teach yourself books*. Edisi Kedua. Sevenoaks, Kent: Hodder and Stoughton.

Bloomfield, Leonard. (1974). Secondary and tertiary responses to language. Dlm Ben. G. Blount (peny), *Language, culture and society: A book of readings*. Cambridge, Massachusetts: Winthrop Publishers.

Blount, Ben G. (1974). *Language, culture and society: A book of readings*. Cambridge, Massachusetts: Winthrop Publishers, Inc.

Boas, Franz. (1974). Introduction to the Handbook of American Indians. Dlm Blount. Ben G. (peny.), *Language, Culture and Society: A Book of Readings*. Cambridge, Massachusetts: Winthrop Publishers, Inc.

_____. (1938a). *General anthropology*. Boston, Massachusetts: D.C. Heath and CO.

_____. (1938b). *Language. General Anthropology*. Franz Boas (peny.). Boston, Massachusetts: D.C. Heath and CO.

Burling, Robbins. (1970). *Man's many voices: Language in its cultural context*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.

- Chafe, Wallace L. (1968). Language and Linguistics. Dlm James A. Clifton (peny.), *Introduction to cultural anthropology*. Boston, MA: Houghton Mifflin Company.
- Cohen, Eugene N. dan Edwin Eames. (1982). *Cultural anthropology*. Boston: Little, Brown & Company.
- Firth, Raymond. (1958). *Human types: An introduction to social anthropology*. Edisi Semakan. New York: Mentor Book.
- Fromkin, V. & Robert R. (1988). *An introduction to language*. Edisi Keempat. International Edition. New York, New York: Holt, Rinehart & Winston, Inc.
- Holmes, L.D. & Wayne, P. (1981). *Anthropology: an introduction*. Edisi ketiga. New York: John Wiley & Sons.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia Pusat Bahasa. (2008). Pusat Bahasa, Departmen Pendidikan Nasional. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Kamus Dewan. (1970). Disusun oleh Teuku Iskandar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Kay, Paul dan Willet Kempton. (1984). What is the Sapir-Whorf hypothesis? *American Anthropologist*, Jilid (86), 65-79.
- Mair, L. (1967). *An introduction to social anthropology*. Oxford: Clarendon Press.
- Mohd. Taib Osman. (1993). *Bunga rampai kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- New Penguin English Dictionary, The. (2000). London: Penguin Books Ltd.
- Nik Safiah Karim. (1989). *Strukturalisme dalam ilmu linguistik*. Siri Khazanah Bahasa Bil. 10. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

- P. W. J. Nababan. (1984). *Sosiolinguistik: Suatu pengantar*. Jakarta: Penerbit P. T. Gramedia.
- Papertyari. (2019). Motivation: Process, Elements, Types of Motivation, dalam laman sesawang Paper Tyari. <<https://www.papertyari.com/general-awareness/management/motivation/>>. (Diterbitkan secara elektronik pada 23 Februari 2019).
- Robbins, R. H. (1998). *A short history of linguistics*. Edisi Keempat. Longman Linguistics Library. London: Longman.
- Sapir, Edward. (1974a). The unconscious patterning of behavior in society. Dlm. Ben. G. Blount (peny.), *Language, culture and society: A book of readings*. Cambridge, Massachusetts: Winthrop Publishers, Inc.
- _____. (1974b). Language. Dlm Ben. G. Blount (peny.), *Language, culture and society: A book of readings*. Cambridge, Massachusetts: Winthrop Publishers, Inc.
- Schultz, Emily A. & Robert H. Lavenda. (1990). *Cultural anthropology: A perspective on the human condition*. Edisi Kedua. St. Paul, Minnesota: West Publishing Company.
- Shakila Abdul Manan. (2010). Mukadimah - Preamble. Dlm Shakila Abdul Manan, Hajar Abdul Rahim, & Noriah Mohamed (peny.), *Ilmu Kemanusiaan: Celebrating 40 Years of the Humanities at USM*. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Shamsul Amri Baharuddin (2001). *Social anthropology of the Malays: Collected essays of M. G. Swift*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Hussein Alatas. (1977). *The myth of the lazy native*. London: Routledge.

Taylor, Shirley. (2000). *Essential communication skills: The ultimate guide to successful business communication*. England: Pearson.

Whorf, B. L. (1974). The relation of habitual thought and behavior to language. Dlm Ben. G. Blount (peny.), *Language, culture and society: A book of readings*. Cambridge, Massachusetts: Winthrop Publishers, Inc.